

Bertujuan ringankan beban rakyat yang terjejas akibat pandemik Covid-19

Oleh SYAJARATULHUDA MOHD ROSLI

#### GEORGETOWN

**S**eramai 300,000 pengguna feri roro membabitkan penumpang kenderaan dua roda akan menikmati pengurangan tambang sebanyak 50 peratus selama enam bulan bermula 1 Januari ini.

Pengerusi Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP), Datuk Tan Teik Cheng berkata, pihaknya membiayai 50 peratus melibatkan peruntukan RM58,333 sebulan bagi meringankan beban rakyat yang terjejas akibat pandemik Covid-19 dan selaras dengan aspirasi Keluarga Malaysia.

Menurut beliau, manfaat peruntukan sebanyak RM350,000

#### TAMBANG FERI TURUN

turut akan dinikmati bukan warganegara.

“Tambang untuk motosikal sebanyak RM2 akan dikurangkan menjadi RM1 manakala basikal daripada RM1.20 kepada 60 sen sahaja,” katanya.

Dalam perkembangan berasingan, Teik Cheng berkata, kerajaan Persekutuan bersetuju menyalurkan peruntukan sebanyak RM30 juta kepada Penang Port Sdn Bhd (PPSB) selepas mengambil alih perkhidmatan feri roro Pulau Pinang untuk pembelian lima buah feri baharu.

Katanya, sebanyak RM15 juta diserahkan pada tahun ini manakala bakinya akan diserahkan pada tahun hadapan.

“Kesemua feri baharu berkenaan akan menggantikan dua buah feri yang beroperasi pada

# Diskaun 50 peratus untuk kenderaan dua roda



Teik Cheng (dua dari kiri) menunjukkan poster 50 peratus menandakan pengurangan tambang feri ikonik bermula 1 Januari ini.

waktu ini. Feri roro yang lama akan diserahkan kepada syarikat yang dipilih melalui tender terbuka untuk dijadikan restoran terapung dan muzium.

“Dalam pada itu, sebarang

kerja menaiktaraf terminal dan harga feri akan ditanggung oleh PPSB sekiranya kos melebihi RM30 juta,” katanya.

Pada 15 Disember tahun lalu, Teik Cheng mengumumkan per-

khidmatan feri di Pulau Pinang untuk kenderaan empat tayar akan dihentikan bermula 1 Januari tahun ini manakala feri sedia ada hanya untuk kegunaan motosikal dan basikal sahaja.

Ini bermakna, kesemua kenderaan empat tayar tidak lagi boleh menggunakan lajuan laut sebagai alternatif untuk ke bahagian pulau atau sebaliknya.

Bermula tarikh itu juga, perkhidmatan feri bagi penumpang, motosikal dan basikal akan diambil alih oleh PPSB daripada Prasarana Malaysia Berhad yang menyediakan perkhidmatan katamaran untuk penumpang, motosikal dan basikal bagi mengantikan feri sebelum ini.

Untuk sementara, perkhidmatan bagi penumpang akan menggunakan feri laju manakala untuk motosikal serta basikal menggunakan feri sedia ada.